

No. Soalan : 69
PR-1342-L74105

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 26 Mei 2016

SOALAN : Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan berapa kali Kerajaan Malaysia telah berunding dengan Kerajaan Filipina tentang tuntutan Sabah yang dibangkit oleh pihak Filipina dan apakah status terkini mengenai tuntutan tersebut. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia daripada segi usaha diplomatik untuk menghentikan tuntutan tersebut. Adakah Kerajaan Malaysia masih membayar 'cession money' kepada "kesultanan Sulu" dan nyatakan pembayaran yang terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sandakan di atas pertanyaan tersebut.

Tuan Yang di Pertua,

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah berulang kali menegaskan pendiriannya bahawa Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian dari Malaysia sejak 16 September 1963.

3. YB Menteri Luar Negeri, telah beberapa kali mengeluarkan kenyataan bagi menegaskan pendirian Malaysia yang tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Sabah. Manakala, pada 19 Mei 2015 dan 1 Mac 2016, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Filipina di Kuala Lumpur berhubung kenyataan beberapa pemimpin Negara berkenaan berkaitan tuntutan ke atas Sabah untuk menegaskan pendirian Malaysia.

4. Berkenaan soal bayaran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan, Kerajaan membuat bayaran wang serahan (*cession money*)

sebanyak RM 5,300 setahun kepada peguam yang mewakili sembilan orang waris Kesultanan Sulu.

5. Ia merupakan komitmen terhadap keputusan kehakiman Macaskie pada tahun 1939. Dalam keputusan oleh Hakim C.F. Macaskie, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Borneo pada 18 Disember 1939, sembilan (9) individu telah diberikan hak terhadap wang serahan tersebut termasuk tiga anak saudara yang dinyatakan dalam wasiat tersebut.

6. Walau bagaimanapun, harus ditekankan bahawa bayaran wang serahan tersebut adalah sebagai *cession money* dan bukannya bayaran sewa.

Sekian, terima kasih.